

# KETOKOHAN DAN KEPERIBADIAN BADIUZZAMAN SAID NURSI DALAM MEMPERJUANGKAN ISLAM

Noor Aklima Mohamad Saidi<sup>1</sup>  
Nurul Syazreen Mohd Nasir<sup>2</sup>  
Ain Syahirah Ismail Dzlan<sup>3</sup>  
Syed Najihuddin Syed Hassan<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia 71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. (E-mail: [aklimasaidi@raudah.usim.edu.my](mailto:aklimasaidi@raudah.usim.edu.my) )

<sup>2</sup> Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia 71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. (Email: [nurulsyazreen307@raudah.usim.edu.my](mailto:nurulsyazreen307@raudah.usim.edu.my) )

<sup>3</sup> Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia 71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. (E-mail: [ainsyahirah734@raudah.usim.edu.my](mailto:ainsyahirah734@raudah.usim.edu.my) )

<sup>4</sup> Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia 71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. (E-mail: [syednajihuddin@usim.edu.my](mailto:syednajihuddin@usim.edu.my) )

---

**Abstrak:** *Badiuzzaman Said Nursi merupakan seorang tokoh ulama' yang memperjuangkan Islam ketika ideologi barat menyesatkan pemikiran masyarakat Islam di Turki. Beliau adalah seorang tokoh ilmuan yang amat dikenali bukan sahaja pakar dalam bidang ilmu agama malah juga mahir dalam pelbagai bidang ilmu yang lain. Selain daripada tokoh pemikiran, pencetus gerakan dan pendebat terhebat, Risalah An-Nur juga merupakan sumbangan terbesar beliau dalam penulisan yang di dalamnya merangkumi pelbagai aspek keilmuan. Objektif kajian ini adalah untuk menelusuri serta mengkaji keperibadian dan ketokohan Badiuzzaman Said Nursi. Seterusnya, tujuan kajian ini dijalankan bagi mengetahui perjuangan dan pengorbanan beliau dalam menegakkan syiar Islam di bumi Turki. Bagi mencapai tujuan kajian tersebut, pengkaji menggunakan kaedah analisis kualitatif iaitu pengumpulan data daripada pelbagai sumber sama ada primer atau sekunder. Hasil dapatan kajian ini ialah Badiuzzaman Said Nursi merupakan pencetus gerakan Islam di Turki setelah kejatuhan Khilafah Uthmaniah selepas Perang Dunia Pertama. Beliau juga merupakan seorang ilmuan yang disanjung tinggi serta tokoh pemikiran yang disegani. Kesimpulannya, ketokohan beliau boleh dijadikan panduan dan tauladan kepada masyarakat seantaro dunia dalam meneruskan legasi penyebaran dakwah Islam. Akhirnya, kajian ini diharapkan dapat memberi inspirasi dan semangat perjuangan terutama kepada anak-anak muda dalam memartabatkan Syiar Islam di dunia ini.*

**Kata Kunci:** *Tokoh Islam, Badiuzzaman Said Nursi, Risalah An-Nur, Ideologi Barat, Khilafah Uthmaniah.*

---

## Pengenalan

Dakwah adalah merupakan satu kewajiban yang dituntut dalam Islam bagi setiap individu Muslim yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka. Nabi Muhammad S.A.W juga ditugaskan oleh Allah untuk menyampaikan dakwah Islam kepada seluruh umat manusia. Perkara ini juga dititik beratkan oleh seorang tokoh pemikir iaitu Badiuzzaman Said Nursi. Beliau merupakan seorang tokoh ulama yang disegani kerana telah banyak menggembeling tenaga serta menabur bakti dalam menyebarkan dakwah Islam kepada masyarakat di Turki. Sosok tubuh yang mulia ini telah melakukan suatu perubahan besar dalam kehidupan masyarakat Turki dimana beliau telah mencetuskan gerakan Islam

di Turki melalui penulisan Risalah An-Nur yang menyeru masyarakat supaya beriman kepada Allah S.W.T dan menolak segala ideologi sekularisme dan atheisme. Ketokohan beliau tidak dapat disangkal lagi kerana besarnya jasa dan pengorbanan beliau dalam memperjuangkan Islam.

Kini, Islam telah berkembang ke seluruh pelosok dunia. Segala tunjuk ajar telah diletakkan dalam garis panduan iaitu Al-Quran dan Sunnah. Kejayaan Islam kini telah didorong oleh para pendakwah yang telah menggembeling tenaga, masa dan jiwa dan raga bagi meninggikan lagi syiar Islam di dunia ini. Perkaitan dalam kajian ini adalah mengetahui bagaimana cara, kaedah dan usaha ulama' (Badiuzzaman Said Nursi) menyebarkan dakwah Islam bagi membangkitkan kembali roh kecintaan kepada agama dalam kalangan masyarakat Turki selepas kejatuhan empayar Islam Uthmaniyah. Selain itu, ketokohan dan keperibadian yang beliau tonjolkan dapat dijadikan panduan kepada pendakwah-pendakwah kini dalam memartabatkan lagi syiar Islam di akhir zaman yang penuh dengan pelbagai mehnah, tribulasi dan ancaman anasir-anasir barat. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah perpustakaan iaitu dengan mencari sumber daripada internet.

Oleh yang demikian, objektif bagi kajian ini adalah untuk menelusuri serta mengkaji keperibadian dan ketokohan Badiuzzaman Said Nursi. Dengan mengetahui keperibadian dan ketokohan beliau, dapat dijadikan sandaran dalam mengaplikasikan cara hidup dan mencontohi beliau dalam segenap penjuru kehidupan terutama pemikiran yang berlandaskan wahyu Ilahi. Seterusnya, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui perjuangan dan pengorbanan beliau dalam menegakkan syiar Islam di bumi Turki. Dengan mengetahui dasar perjuangan yang dibawa beliau dan pengorbanan beliau dalam menyelamatkan aqidah umat Islam pada waktu itu, dapat diambil ibrah dan dijadikan titik mula kepada kebangkitan anak muda kini dalam menjaga bangsa dan negara daripada isme-isme yang memesongkan dan merosakkan masyarakat Islam terutamanya. Oleh itu, menjadi satu kewajiban semua pihak dalam mempertahankan dan memelihara daulah islamiyyah daripada terus diceroboh dan dinodai oleh orang-orang kafir yang ingin melenyapkan daulah Islam di dunia ini.

## **Kajian Literatur**

Badiuzzaman Said Nursi merupakan seorang tokoh ulama' yang tidak dapat disangkal lagi ketokohnya kerana beliau mahir dan pakar dalam pelbagai bidang. Kini terdapat banyak kajian dan dapatan yang dilakukan untuk mengetahui serta menyingkap tentang ketokohan Badiuzzaman Said Nursi terutamanya dalam usaha dakwah beliau memperjuangkan Islam di Turki melalui Risalah An-Nur.

Antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Sharifah Norshah Bani Syed Bidin (2020), terhadap Pemikiran Tasawwuf Badiuzzaman Said Nursi dalam dakwah. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu menganalisis maklumat daripada sumber primer iaitu Rasail An-Nur. Hasil kajian ini mendapati terdapat keistimewaan yang wujud di dalam dakwah Badiuzzaman Said Nursi. Selain itu, wujudnya pemikiran tasawwuf dalam dakwah beliau yang terbina daripada empat asas iaitu *al- 'ajz* (kelemahan), *al-faqr* (kefakiran), *al-syafaqah* (belas kasihan) dan *al-tafkir* (berfikir). Pemikiran tasawwuf adalah amat penting dalam dakwah supaya dapat meningkatkan keimanan dan memperkukuhkan rohani serta menjamin keberkesanan dakwah tersebut.

Seterusnya kajian yang dijalankan oleh Muaz Hj Mohd Noor, et al. (2022), terhadap konsep komunikasi dakwah bukan lisan (non-verbal) Badiuzzaman Said Nursi berdasarkan Rasail An-Nur. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif di mana mencari maklumat daripada sumber primer. Pengkaji menganalisis maklumat daripada Risalah An-Nur tersebut dan penulisan sarjana-sarjana tentang komunikasi dakwah beliau. Kajian ini dijalankan untuk mengetahui bentuk-bentuk komunikasi Badiuzzaman Said Nursi dalam menyampaikan dakwah khususnya pada komunikasi bukan lisan. Dapatan daripada kajian tersebut adalah Badiuzzaman Said Nursi telah menempuh

banyak pengalaman berdakwah melalui pelbagai peringkat hidup beliau seperti dalam politik, pendidikan, peperangan dan lain-lain. Hal yang demikian telah menjadikan beliau seorang yang sangat berpengalaman dalam berdakwah menerusi kepelbagaian bentuk komunikasi bukan lisan (non-verbal). Ketokohan dan keperibadian beliau dalam berdakwah tidak dapat disangkal lagi sehingga digelar “Badiuzzaman” yang bermaksud keunggulan zaman.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Supardi et al (2020), terhadap Strategi dakwah Badiuzzaman Said Nursi dalam Novel API Tauhid Karya Habiburrahman El Shirazy. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif melalui pendekatan penelitian. Segala maklumat diperoleh dan dianalisis daripada sumber primer dan sekunder. Kajian ini bertujuan untuk mencari tanda dan maksud yang sesuai dengan kerangka analisis semiotik model Charles Sander Peirce yang mengandungi strategi dakwah Badiuzzaman Said Nursi dan mengetahui faktor pendukung dan penghalang dalam novel API tauhid. Hasil kajian ini mendapati terdapat tiga jenis strategi dakwah yang digunakan iaitu Strategi Dakwah Sentimentil, Strategi Dakwah Rasional dan Strategi Dakwah Indrawi. Selain itu juga, hasil penelitian kajian ini adalah wujudnya tanda yang menunjukkan faktor pendukung dan faktor penghalang dakwah Badiuzzaman Said Nursi.

Menurut Mohd Nasir Ayub et al (2020), kajian yang dijalankan bertujuan untuk mencungkil idea-idea pendidikan seorang pemikir Islam di akhir pemerintahan kerajaan Turki Uthmani iaitu Syeikh Badiuzzaman Said Nursi berdasarkan model Madrasah Al-Zahra'. Kajian yang diaplikasikan adalah kajian perpustakaan dan analisisnya berdasarkan kerangka analisis dokumen. Kajian yang dijalankan mendapati bahawa idea penubuhan Universiti Islam Madrasah Al- Zahra' oleh Syeikh Badiuzzaman Said Nursi amat selari dengan tuntutan agama, memenuhi keperluan umat Islam serta mengembalikan kekuatan umat Islam dalam mendepani penjajahan kuasa barat ketika itu.

Selain itu, berdasarkan artikel Ilyas Fahmi Ramadlani (2019), kajian yang dijalankan menggunakan pendekatan sosio-historis dan artikel tersebut bertujuan untuk menggali perjuangan Badiuzzaman Said Nursi dalam membendung arus radikalisme ketika Islam hampir terkubur dari bumi Turki. Kajian yang dijalankan menggunakan kaedah kualitatif iaitu menganalisis data.

Seterusnya, merujuk kepada Muhammad Yusry Affandi Md Isa dan Faiz Zulkifli (2020), objektif kajian yang dikaji mensasarkan untuk menerangkan latar belakang Said Nursi sebagai tokoh pentafsir al-quran dan menganalisis pendekatannya dalam pentafsiran berhubung sunnah. Kajian kualitatif dijalankan dengan menggunakan dua kaedah utama iaitu kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan data. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa Said Nursi mempunyai keilmuan dalam memahami Sunnah.

Berdasarkan Norullisza Khosim et al. (2021), kajian yang dilakukan bertujuan mengetahui aspek-aspek pembangunan insan kemudian penganalisan dilakukan terhadap ketokohan Badiuzzaman Said Nursi. Kajian ini menggunakan kajian dokumen bagi pengumpulan data dengan mengaplikasikan pendekatan analisis kandungan bagi proses penganalisan data. Hasil dapatan kajian juga turut menjelaskan bahawa Badiuzzaman Said Nursi amat menitik beratkan aspek rohani, emosi, intelektual, jasmani dan sosial sebagai aspek pembangunan insan walaupun berhadapan dengan pelbagai situasi, cabaran dan rintangan sepanjang kehidupan.

Dalam kajian yang lain pula turut mengkaji tentang pemikiran metafizik seorang mujaddid yang berpengaruh pada abad ke-20, iaitu Sheikh Badiuzzaman Said Nursi tentang persoalan berkaitan kenabian (Hj Mohd Noor et al., 2017). Pengkaji telah menggunakan kaedah kajian dokumentasi untuk mengumpul data-data yang berkaitan, manakala kaedah induktif, deduktif dan perbandingan digunakan untuk menganalisis segala data yang telah dikumpulkan. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa kewujudan nabi adalah selari dengan penciptaan manusia, yang merupakan tauladan dan panduan kepada manusia di dunia ini.

Berdasarkan kajian Muhammad Suhaib Ahmad Zahir & Mohd Farid Mohd Shari (2020), kajian ini bertujuan mengkaji aspek permasalahan tauhid dalam perkembangan pemikiran Islam dan mengenalpasti usaha pemurniaan tauhid yang dilakukan oleh Said Nursi di Turki. Kemudian, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kajian teks manakala metode dokumentasi digunakan untuk mengumpulkan data melalui sumber primer dan sekunder. Hasil daripada kajian ini memperlihatkan bahwa Badiuzzaman Said Nursi merupakan seorang tokoh dakwah yang memberi sumbangan kepada pemurniaan tauhid di Turki.

Kajian yang lepas telah membuka jurang tajuk bagi pengkaji untuk mengkaji tajuk berkaitan keperibadian dan ketokohan Badiuzzaman Said Nursi dalam memperjuangkan agama Islam di muka bumi. Berdasarkan kajian-kajian yang lepas, dapat dilihat bahawa beliau seorang yang sangat teguh berjuang menyebarkan dakwah Islam menusuri pelbagai bidang kajian. Oleh itu, pengkaji berhasrat mengumpulkan keperibadian mulia beliau dan ketokohan beliau yang disanjung tinggi oleh ramai orang selama ini. Pengkaji juga ingin mengkaji kaedah yang digunakan dalam menyebarkan dakwah pada zaman itu serta mengetahui dasar perjuangan yang diperjuangkan oleh gerakan Islam yang dicetusnya itu. Oleh yang demikian, kajian yang akan dilakukan ini dapat memberikan tauladan dan contoh kepada masyarakat kita dalam giat usaha menyampaikan dakwah Islam di muka bumi ini yang penuh dengan pelbagai cabaran dan ideologi-ideologi yang pelbagai.

### **Dapatan Kajian**

Dapatan kajian ini mendapati bahawa Badiuzzaman seorang yang hidup dalam keluarga yang sederhana namun penuh dengan didikan agama. Ini telah melahirkan sifat dan akhlak yang mulai dalam peribadi seorang insan bernama Badiuzzaman Said Nursi. Oleh kerana peribadi beliau yang mulia dan dihormati oleh orang lain, beliau telah disanjung tinggi sehingga dilihat sebagai tokoh bagi seluruh masyarakat. Ketokohan Said Nursi dapat dilihat sebagai tokoh pemikiran, tokoh ilmunan dan perdebatan, serta tokoh pendidikan. Hal ini bertitik tolak daripada perjuangan beliau menyebarkan dakwah Islam di bumi Turki melalui karya risalahnya yang terbesar iaitu Risalah An-Nur. Risalah ini telah menjadi tempat rujukan bagi para pengkaji untuk mempelajari ilmu tafsir Al-Quran serta rangkuman ilmu yang juga diselit dalam kitab-kitab di bawah tajuk kecil Risalah An-Nur. Selain itu, perjuangan Said Nursi juga amatlah hebat dalam menegakkan Islam di bumi Turki di saat negara itu berada di bawah pemerintahan sekularisme oleh Mustaffa Kamal Attaturk.

### **Biografi Badiuzzaman Said Nursi**

Badiuzzaman Said Nursi merupakan seorang ilmuwan islam yang disegani. Kehidupan beliau haruslah ditelusuri agar menjadi pengajaran dan pedoman dalam menjalani kehidupan seharian. Said Nursi dilahirkan pada 1293 H/1876 M dan diberi nama Said bin Mirza. Ayahnya terkenal sebagai seorang sufi pendukung tarekat Khalidiyyah manakala ibunya, Nuriye merupakan seorang wanita yang tidak pernah meninggalkan solat tahajjud dan akan sentiasa memastikan dirinya berwudhuk ketika hendak menyusui anak-anaknya (Ilyas Fahmi, 2019). Merujuk kepada Mohd Nasir Ayub, et al (2020), Said Nursi dilahirkan di perkampungan Nurs, di wilayah Bitlis yang terletak di Timur Turki, pada tahun 1877 M. Namanya yang sebenar adalah Said manakala Nursi merupakan gelaran yang diambil sempena nama kampungnya Nurs. Keluarga Said Nursi adalah berbangsa Kurdis, ayahnya bernama Mirza bin Ali bin Khidir bin Mirza Khalid bin Mirza Rasyad, merupakan seorang petani dan kuat berpegang dengan amalan sufi manakala ibunya pula bernama Nuriyyah binti Mulla Tahir merupakan seorang wanita yang taat akan perintah Allah. Didikan dan asuhan yang diberikan oleh ayah dan ibunya telah mempengaruhi pembentukan fizikal dan mental Said Nursi. Beliau dibesarkan dalam keluarga yang taat beragama dan beliau merupakan anak keempat daripada enam beradik (Irmayanti, 2017).

Oleh kerana belum terdapatnya madrasah yang menawarkan pendidikan yang mencakupi semua bidang ilmu, Said Nursi mula merantau dari satu madrasah ke madrasah yang lain ketika beliau berumur 9 tahun. Antara madrasah yang pernah beliau pergi adalah Madrasah Muhammad Amin Afandi di Tagh, Madrasah Muhammad Nur di Birmis, Madrasah Muhammad Amin Afandi di Arwas Bitlis, Madrasah Mir Hasan Wali di Muks, Madrasah Muhammad Jalali di Beyazid dan Madrasah Fathullah Afandi di Si'ird. Selain daripada telah menghafal al- Quran, menguasai ilmu perdebatan dan ilmu fiqh, beliau juga telah menghafal kitab thurath seperti Jami'al- Jawami' dan al- Muhit. Mulla Muhammad Celali merupakan guru terpenting Said Nursi kerana telah mengajarkannya tentang falsafah tajdid dalam sistem pendidikan dunia Islam moden. Beliau juga pernah menuntut ilmu dengan ulama terkenal iaitu Syeikh Fathullah Afandi yang berjasa melatih pembacaan kitab Majamat al- Haririyyah. Syeikh Fathullah juga merupakan individu yang memberi gelaran Badi' al- Zaman: "Pembaharu Zaman" kepada Said Nursi. Beliau juga mempunyai kemahiran dalam pelbagai bidang ilmu termasuk sejarah, geologi, astronomi, falsafah dan lain-lain (Muhammad Yusry Affandi Md Isa & Faid Zulkifli, 2020).

Kehidupan Said Nursi terbahagi kepada dua fasa. Fasa pertama adalah Ketika beliau mencari ilmu dan keikutsertaannya dalam mempertahankan Islam semasa pemerintahan akhir Turki Uthmani. Fasa kedua pula adalah ketika Said Nursi berusaha dalam membendung arus sekularisasi di Turki dan ketika dia diangkat kembali menjadi penasihat pemerintahan seperti waktu pemerintahan Turki Uthmani. Said Nursi telah menghembuskan nyawanya yang terakhir pada tanggal 23 Mac 1960 M, bertepatan dengan 25 Ramadhan 1379 H. Said Nursi dikebumikan di Ulu Jami' pada 24 Mac 1960 M (Ilyas Fahmi, 2019). Beliau meninggal dunia di Urfa akibat daripada demam panas yang dialaminya. Beliau disemadikan selepas solat Asar di perkuburan Ulu Jami' (Muhammad Yusry Affandi Md Isa & Faid Zulkifli, 2020).

## **Keperibadian Dan Ketokohan Badiuzzaman Said Nursi**

Badiuzzaman Said Nursi adalah merupakan salah seorang ulama yang memiliki ketokohan dan keperibadian yang perlu diketengahkan dalam masyarakat kita. Ketokohan beliau tidak dapat disangkal lagi kerana beliau telah dianugerahkan dan memiliki pelbagai ketokohan didalam diri beliau. Antara ketokohan yang dimiliki beliau ialah tokoh pemikiran, tokoh ilmunan, tokoh perdebatan dan banyak lagi. Ketokohan serta keperibadian beliau yang unggul perlulah dijadikan tauladan dan rujukan kepada masyarakat kini.

### **Ketokohan Said Nursi sebagai Tokoh Pemikiran**

Selain memiliki keperibadian yang unggul, Badiuzzaman Said Nursi juga telah dianugerahkan dengan pelbagai ketokohan. Hal ini kerana beliau telah menyumbangkan bakti dan jasa beliau kepada masyarakat terutama sekali dalam memperjuangkan Islam di Turki. Antara ketokohan beliau yang sering menjadi tumpuan dan dipertengahkan ialah dari sudut pemikiran. Beliau seorang tokoh pemikir yang telah banyak mengubah pemikiran masyarakat Turki terhadap keimanan kepada Tuhan dan ajaran agama Islam yang mulia. Sebagai contoh yang membuktikan beliau seorang tokoh pemikir ialah beliau seorang yang mempunyai pendirian agama yang teguh serta keimanan dan ketakwaan kepada Allah.

Ketegasan beliau dalam soal akidah dapat dipamerkan ketika mana beliau berada di suatu zaman yang menyaksikan penerapan pemikiran Islam yang bertentangan dengan Islam dan corak kehidupan masyarakat bukan Islam. Dalam kejadian tersebut, Parti Republik Rakyat telah membuka ruang dan peluang kepada etnis dan komunis untuk menapak dan menyebarkan ajaran mereka di Turki selama 27 tahun. Hal yang sedemikian telah menyebabkan generasi baru Turki tidak mengenali Islam sebagai sesuatu panduan dan keyakinan yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan mereka. Oleh yang demikian, Badiuzzaman Said Nursi telah melakukan penentangan terhadap sikap masyarakat Turki yang sering mencontohi kebudayaan barat.

Bukan hanya sekadar itu sahaja, beliau juga melakukan penentangan terhadap fahaman komunis kerana ianya telah menafikan kewujudan Tuhan (Wan Jaffree 2015, 139 & 153). Badiuzzaman Said Nursi tidak mahu melakukan revolusi politik Islam kerana baginya perkara itu tidak sesuai dan tidak boleh dilaksanakan di negara Turki yang berfahaman sekularisme. Sebaliknya beliau hanya menumpukan usahanya ke arah menguatkan keimanan rakyat Turki yang sedang menghadapi ancaman besar ketika itu (Wan Jaffree 2015, 154). Perkara yang sedemikian dapat membuktikan kehebatan dan ketokohan Badiuzzaman Said Nursi dalam memulihkan pemikiran barat rakyat Turki kepada pemikiran Islam.

Semasa pemerintahan Mustafa Kamal Attaturk, Badiuzzaman Said Nursi tidak mempunyai kuasa mutlak untuk melakukan dakwah beliau secara terang-terangan kerana beliau banyak menghabiskan masanya meringkup di dalam penjara. Semasa di dalam tahanan, beliau meneruskan perjuangan dengan menulis Rasail An-Nur bagi menyelamatkan akidah masyarakat Islam. Risalah An-Nur tersebut disebar ke seluruh pelusuk Turki bagi memperbetulkan akidah masyarakat Turki yang kian terpesong dengan fahaman sekularisme.

Selain itu juga, semasa pemerintahan Parti Demokratik Turki, kerajaan ini telah membuka ruang kebebasan akan tetapi perkara 163 Perlembagaan Turki telah menghalang kegiatan penubuhan negara berasaskan agama. Oleh yang demikian, beliau mengambil pendekatan lain dengan menulis Risalah Murshid Al-Shabab (Mohd Hasrul et al., 2015). Risalah ini ditulis agar menyuruh golongan muda supaya beriltizam dengan ajaran Islam dan beliau berjaya mempengaruhi sebahagian besar mahasiswa Universiti. Menurut Mohd Hasrul et al. (2015), kerajaan telah mendakwa beliau kerana cuba menubuhkan kerajaan yang berasaskan Islam yang mana bertentangan dengan dasar sekularisme di Turki. Oleh yang demikian, beliau dibicarakan pada 22 Januari 1952.

Seterusnya, salah satu peristiwa yang membuktikan kekuatan akidah beliau menurut Mohd Hasrul et al. (2015), ialah ketika mana seorang Jeneral Rusia terkenal iaitu Jeneral Nicolas Nicolavich telah melawat khemah tawanan yang dimana Badiuzzaman Said Nursi juga merupakan tahanan didalamnya. Apabila Jeneral tersebut tiba, semua penghuni penjara berdiri dan memberi penghormatan kepada beliau kecuali Said Nursi. Maka, Jeneral bertanya kepada Said Nursi adakah kamu tidak mengenali saya. Said Nursi pun menjawab, “Ya saya mengenali kamu”. Jeneral tersebut bertanya lagi, “jika kamu mengenali saya, mengapa tidak menghormati saya”. Lalu Said Nursi pun menjawab, “Itu tidak penting, saya seorang ulama. Ada keimanan di hati saya. Orang yang beriman lebih mulia daripada orang tidak beriman. Saya tidak boleh bertindak bertentangan dengan keimanan saya. Oleh itu saya tidak boleh menghormati awak”. Setelah mendengar jawapan tersebut, Jeneral berasa marah dan radang, lalu mengarahkan beliau supaya dibicarakan di mahkamah tentera. Walaupun beberapa sahabat beliau telah menasihatinya agar memohon maaf supaya dapat diringankan hukuman ke atasnya, namun Said Nursi masih teguh dengan pendiriannya.

Selepas perbincangan dilakukan, beliau telah dijatuhkan hukuman mati. Beliau meminta sedikit masa iaitu selama 15 minit sebelum hukuman dijatuhkan bagi menunaikan solat dua rakaat. Permintaan beliau diluluskan, lalu Said Nursi menunaikan solat dua rakaat tersebut. Apabila Jeneral sedang melihat Said Nursi sembahyang begitu tenang dan khusyuk di hadapan pasukan penembak, beliau berasa kagum dengan ketabahan Said Nursi, lalu beliau memohon maaf dan membebaskan Said Nursi dari hukuman tersebut (Mohd Hasrul et al., 2015). Hal ini jelas membuktikan bahawa keikhlasan dan keteguhan iman beliau mampu memelihara beliau daripada segala ancaman dan cabaran yang menimpa dirinya. Kecekalan hati beliau dalam meneguhkan keimanan masyarakat Turki haruslah dijadikan tauladan agar kita sentiasa berjuang dan mempunyai semangat juang yang tinggi dalam menegakkan Islam di muka bumi Allah ini.

### **Ketokohan Said Nursi sebagai Tokoh Ilmuan dan Tokoh Perdebatan**

Selain menjadi tokoh pemikiran, Said Nursi juga merupakan tokoh ilmuan yang amat berjasa kepada masyarakat di seluruh dunia. Hal ini bertitik tolak daripada perjalanan hidupnya yang penuh liku bermula dari kecil sehingga akhir riwayat hidupnya. Said Nursi telah membesar dalam lingkungan keluarga yang sederhana serta keturunan yang mulia. Beliau dibesarkan oleh keluarga yang mengamalkan tarekat al-Naqshabandiyah, lalu sentiasa mengamalkan sikap-sikap yang baik dan disenangi. Said Nursi juga dikenali sebagai seorang yang cintakan ilmu. Beliau suka belajar dengan abangnya Molla Abdullah, setiap kali abangnya pulang bercuti. Beliau juga gemar menghadiri majlis-majlis ilmu yang diadakan berdekatan rumahnya. Seterusnya, beliau juga rajin berkelana dari madrasah ke madrasah yang lain demi menambah ilmu pengetahuan di dada.

Tambahan pula, Said Nursi banyak mengembara menimba ilmu daripada pelbagai syaikh terkenal di Timur Turki. Beliau juga gemar menghabiskan masa di perpustakaan demi menggali lebih banyak ilmu-ilmu agama, bahkan juga mempelajari pelbagai ilmu-ilmu sains moden seperti geologi, geografi, matematik, fizik, kimia, astronomi, falsafah dan sebagainya (Mohd, 2022). Beliau telah banyak menghafaz pelbagai jenis kitab dek kekuatan ingatan yang dimilikinya. Said Nursi bukan sahaja menjadi seorang pelajar yang sangat hebat, malah turut menjadi tenaga pengajar di tempat-tempat yang berbeza. Beliau telah mengajarkan ilmu-ilmu yang dikuasainya seperti ilmu agama dan sains moden kepada orang-orang terdekat serta menyebarkannya ke puak-puak yang lain juga (Norullisza et al., 2021).

Said Nursi telah digelar salah seorang tokoh ilmuan dalam bidang tafsir berikutan hasil karyanya dalam Risalah An-Nur. Menurut Mohd (2022), Risalah An-Nur adalah karya yang berlainan daripada kitab-kitab tafsir yang lain kerana ia timbul daripada gandingan hati dan akal serta latifah insaniah yang lain. Sumber penafsiran utama Risalah Al-Nur adalah Al-Quran itu sendiri yang menjadi rujukan utama oleh Said Nursi. Namun, beliau juga turut menggunakan kaedah

penafsiran tafsir bi al-ra'yi iaitu tafsiran daripada pendapat dan pandangannya sendiri yang difahami secara rasional. (Siti & Ahmad, 2022).

Di dalam Risalah An-Nur mengandungi pelbagai jilid dan kitab yang berlainan. Merujuk Qaisar Mohammad (2018), antara kitab yang ditulis dinamakan *Mektubat* (The Letters), *Lem'alar* (The Flashes), *As-yi-Musa* (Staff of Moses), *Emirdag Lahikasi* (Emirdag Appendix), *Lahikalar* (Appendices) etc. Risalah An-Nur telah ditulis semasa Said Nursi berada dalam penjara akibat pelbagai tuduhan yang dilemparkan kepadanya untuk menjatuhkan perjuangan dakwah Said Nursi. Namun, semua cubaan tersebut tidak pernah mematahkan semangat Said Nursi untuk meneruskan penulisannya sehingga terciptanya Risalah An-Nur yang penuh dengan nilainya yang tersendiri.

Menurut Siti & Ahmad (2022), Said Nursi turut menggunakan pentafsiran mengikut susunan ayat seperti susunan Mushaf Uthmani iaitu pendekatan metode tahlili dalam kitabnya *Isyarat al-Ijaz* (Signs of the Miraculousness). Walau bagaimanapun, kitab tafsir ini hanya mengandungi sebahagian ayat al-Quran sahaja berikutan keadaan perang yang berlaku telah membataskan penulisan beliau. Seterusnya, beliau juga menggunakan metode pentafsiran secara maudhui'e iaitu kajian berbentuk kumpulan ayat dalam satu tema yang sama. Antara kitab yang menggunakan kaedah metode ini dalam pentafsiran Al-Quran ialah kitab al-Lama'at, al-Shu'at, al-Kalimat, al-Mathnawi al-'Arabi al-Nuri dan al-Maktubat. (Siti & Ahmad, 2022). Oleh itu, terbukti kehebatan penafsiran Said Nursi yang telah memberikan penerangan yang sesuai berkaitan tafsir ayat Al-Quran menggunakan kemampuannya sendiri dengan menggabungkan aspek lughawi dan ilmi sekali.

Said Nursi juga dikenali sebagai seorang pendebat yang hebat di mana beliau mampu berdebat secara lantang untuk mematahkan dakwaan yang menentang Islam. Said Nursi mampu berdebat dengan sejumlah ulama terkemuka seawal usianya baru 16 tahun lalu diberi julukan 'Badiuzzaman' (Ichwansyah T., 2018). Menurut Mohd Nasir et al. (2020), Badiuzzaman Said Nursi bermaksud *The Wonder of the Age* atau Said Nursi Bintang Zaman. Oleh kerana kelantangan beliau dalam berhujah, beliau telah menjadi tempat rujukan oleh ulama'-ulama' pada ketika itu. Beliau telah diiktiraf di dalam organisasi Darul Hikmah Islamiah yang merupakan kelolaan kerajaan Uthmani bagi tujuan membalas serangan musuh atau tohmahan yang dilemparkan serta menerangkan perselisihan dan persoalan yang timbul oleh masyarakat. (Mohd Nasir et al. 2022).

### **Ketokohan Said Nursi sebagai Tokoh Pendidikan**

Badiuzzaman Said Nursi juga masyhur sebagai tokoh pendidikan melalui madrasah yang telah diasaskannya iaitu Madrasah Al-Zahra. Madrasah Al-Zahra telah ditubuhkan oleh Said Nursi bagi menyelesaikan masalah ummah yang berlaku ketika itu. Said Nursi melihat pembelajaran di Turki ketika itu lebih kepada ilmu sains teknologi moden dan hamper meminggirkan ilmu agama Islam. Sistem pendidikan yang terlebih mengangkat ilmu sains secara melampau boleh menyebabkan ajaran Islam dipandang sepi. Bertitik tolak daripada situlah, Said Nursi telah bertekad untuk menubuhkan madrasah Al-Zahra bagi menyeimbangkan Kembali system pendidikan yang diajarkan di negara tersebut. Madrasah Al-Zahra telah mengambil ilham daripada universiti Al-Azhar di Mesir.

Melalui satu penceritaan daripada Mohd Nasir et al. (2022), satu kata-kata daripada Gladstone yang merupakan Menteri Tanah Jajahan Britain ketika itu telah meninggalkan kesan yang mendalam buat Said Nursi. Menteri tersebut menyatakan bahawa Al-Quran adalah sumber kekuatan ummat Islam dan mereka akan sentiasa kuat selagi mana sentiasa berpegang utuh dengan Al-Quran. Oleh itu, Gladstone mengajak agar meleraikan ikatan Al-Quran dari pegangan umat Islam (Mohd Nasir et al., 2022). Daripada penghinaan inilah, Said Nursi berusaha mengembalikan ajaran Al-Quran ke seluruh ummah Islam di Turki. Beliau bertekad untuk mengangkat Kembali kedudukan dan maruah Islam yang sepatutnya disanjung tinggi.

Antara fungsi lain Madrasah AL-Zahra ditubuhkan adalah untuk mengeratkan lagi hubungan ukhuwwah antara umat Islam di samping mengekalkan keharmonian di Turki. Madrasah ini menjadi tempat kedua ilmunan berkumpul dan menimba ilmu selepas Universiti Al-Azhar. Ilmu-ilmu yang diajarkan di madrasah ini adalah ilmu yang seimbang iaitu ilmu sains moden dan juga ilmi-ilmu Islam (Mohd Nasir et al., 2022). Sebagaimana Said Nursi telah menguasai ilmu-ilmu ini sepanjang hayatnya, maka beliau juga berusaha mewariskan segala ilmu yang dipelajarinya kepada anak-anak muridnya yang lain samada dari segi lisan mahupun penulisan berbentuk kitab.

Akhirnya, dapat disimpulkan bahawa Badiuzzaman Said Nursi merupakan tokoh pendidikan yang terbaik yang telah menjadi model kepada ummat zaman kini. Usaha dan jasa beliau menubuhkan madrasah ini telah menjadi ikutan dan tauladan buat ummat Islam yang lain. Ianya terbukti apabila banyak sekolah-sekolah pada era globalisasi ini turut mengajarkan ilmu-ilmu teknologi moden tanpa meninggalkan ilmu-ilmu Islam di belakang.

### **Perjuangan Badiuzzaman Said Nursi Dalam Memperjuangkan Islam**

Semasa pemerintahan Raja Usman antara 1290–1326 M. Kerajaan Turki Uthamiyyah berada di bawah pemerintahan Islam yang aman dan damai. Di zaman kegemilangan ini, Kerajaan Turki mengalami perkembangan yang pesat serta kemajuan yang besar-besaran ketika dalam tempoh pemerintahan yang kedua. Kemajuan Turki ini telah menitik beratkan aspek keagamaan. Hal ini kerana, aspek keagamaan ini memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat dari sudut sosial dan politik. Pada era ini, kerajaan sangat terikat dengan syariat Islam sehingga fatwa ulama menjadi rujukan hukum setiap perkara yang berlaku. Mufti juga dijadikan sebagai pejabat urusan agama yang tertinggi dan pusat pengeluaran fatwa bagi setiap masalah keagamaan. Kerajaan Turki telah mencapai zaman kegemilangan selama berada di bawah pemerintahan Raja Usman.

Setelah beberapa tahun di bawah pemerintahan Raja Usman, maka muncul bibit-bibit yang mengatakan tentang kemunduran kerajaan Turki Ustmani tersebut. Kemunduran ini terjadi selepas berlakunya kekalahan dalam menentang pasukan kristian Barat. Pada tahun 1702, suatu perjanjian telah dilakukan bersama Carlowitz yang dimana Turki Utsmani mesti menyerahkan wilayah Hongaria, Transilvania, Morea, Albania, Pedolia, dan Azzof. Pada abad ke 17 & 18, kerajaan Turki Utsmaniah dibawah pemerintahan lima orang raja, akan tetapi tiada seorang raja yang mampu mengalahkan mengatasi segala ancaman yang datang dari negara Eropah. Hal yang sedemikian menyebabkan sistem pemerintahan yang lemah terjadi di dalam kerajaan Turki Utsmaniah ini serta menyebabkan kemunduran kerajaan tersebut.

Selepas berlakunya kemunduran Kerajaan Turki Utsmani, Mustafa Kamal Attaturk telah mengambil alih pemerintahan kerajaan tersebut. Semasa berada di bawah pemerintahan Attaturk, beliau telah mengubah semua sistem yang berada di kerajaan tersebut kepada sekularisme. Pengaruh beliau dalam pemikiran barat, mengundang dirinya untuk melenyapkan sistem khilafah dan menghapuskan jejak dinasti Turki Utsmani serta menggantinya dengan sistem demokrasi Barat yang berteraskan fahaman liberalisme (Nasution, 1996: 192). Dalam tempoh pemerintahan beliau, banyak perubahan yang telah dilakukannya seperti menjadikan masjid sebagai museum dan lain-lain lagi bagi menghapuskan nilai dan aspek Islam dalam kerajaan tersebut. Pemikiran liberalisme dan ideologi Barat ini semakin berkembang dan telah menimbulkan kebimbangan dan kegusaran di dalam diri Badiuzzaman sebagai seorang pejuang Islam. Oleh yang demikian, beliau mengambil beberapa tindakan dan inisiatif bagi menentang kuasa liberalisme yang semakin berkembang pesat dalam kerajaan tersebut (Ilyas Fahmi, 2019).

Irmayanti (2017), menyatakan bahawa tiga usaha strategik telah dilakukan oleh Said Nursi untuk membendung arus sekularisasi di bumi Turki. Pertama, dalam bidang agama. Kedua, dalam bidang kemasyarakatan dan ketiga, dalam bidang pendidikan. Ketika Said Nursi dibuang ke daerah kecil di wilayah Barat Anatolia iaitu Perla, Turki diperintah dengan pemerintahan diktator, syariat

Islam di Turki diserang dan ditentang dengan dahsyatnya agar sinar islam sirna daripada mata masyarakat turki. Selain itu, huruf arab ditukar kepada huruf latin dan pendidikan agama Islam di sekolah-sekolah juga telah dihapuskan.

Berada di pengasingan jauh di pelosok desa, tidak menghalang Said Nursi daripada terus bergiat aktif dalam menulis risalah untuk ummah. Demi menyelamatkan iman umat Islam, di daerah kecil itulah munculnya *Risail An-Nur*. Sumber yang digunakan dalam menulis risalah an- nur, tidak lain tidak bukan adalah al- quran semata-mata. Secara berperingkat, pengajaran yang dijalankan oleh said nursi akhirnya mendapat sambutan daripada penduduk sekitar, ramai yang datang bertandang untuk menuntut ilmu dengannya. Oleh yang demikian, Risalah An- Nur mula tersebar ke desa-desa dan kampung-kampung sekitar Perla. Risalah An-Nur juga dibaca dan dipelajari secara sembunyi dan rahsia, bahkan ada juga yang membawanya ke kota-kota yang jauh dari Perla. Para pembaca yang dahagakan siraman rohani dan menginginkan cahaya hidayah memberikan respon positif terhadap Risalah An-Nur.

Dalam kemasyarakatan pula, dapat dilihat pada tahun 1899, bahawa Said Nursi telah berjuang menentang Negarawan Britain Inggeris yang ingin menghancurkan kekuatan umat islam dengan menjauhkan Al- Quran daripada masyarakat Turki. Beliau melawan gagasan-gagasan tersebut dengan pengucapannya yang terkenal, iaitu “Aku akan buktikan bahawa al- quran ini memiliki sinar yang tidak pernah padam menerangi kehidupan umat manusia”. Semasa berlakunya pergolakan pada tahun 1908-1912, Said Nursi sangat tegas dan tidak berhenti daripada terus membela islam dan berterusan dalam mengutarakan ideanya kepada masyarakat tanpa dapat dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

Seterusnya dalam bidang pendidikan. Setelah runtuhnya empayar Turki Uthmani, Pendidikan Islam menjadi tertinggal ke belakang. Melihatkan keadaan itu, said nursi telah menuju ke Istanbul pada tahun 1907 untuk menyatakan hasratnya kepada Sultan Abdul Hamid II bagi membangunkan universiti islam di Anatolia Timur yang diberi nama Madrasah Al- Zahra, yang mana sistem pendidikannya sama dengan Universiti Al- Azhar di Kaherah, Mesir. Said Nursi berpendapat bahawa kejahilan dan kebodohan merupakan faktor utama kepada kemunduran umat islam sehingga begitu mudah dijajah oleh kuasa asing. Demikian itu, Said Nursi berusaha untuk menyedarkan masyarakat akan pentingnya pendidikan dan gabungan antara ilmu agama dan sains moden. Selain itu, beliau juga telah menggunakan satu pendekatan yang mengintegrasikan dua aliran ilmu iaitu ilmu agama dan ilmu sains moden yang mana sebelumnya dua ilmu ini dipisahkan.

Oleh yang demikian, Irmayanti (2017) menyatakan Said Nursi berpendapat bahawa ilmu agama dan sains moden mestilah digabungkan bersama kerana menurut beliau, fikiran seharusnya diceraikan oleh sains, sementara hati pula perlu kepada penerangan agama. Ini diumpamakan seperti kedua sayap burung, kedua-duanya memiliki fungsi atau peranan yang besar dalam kehidupan burung tersebut.

Semua usaha dan perjuangan yang dilakukan berpaksikan pada satu sumber iaitu risalah an- nur, yang mana ianya ditulis, dijadikan pidato dan dijadikan surat-surat kepada masyarakat turki. Di dalam Risalah An- Nur, terdapat beberapa perbincangan utama, antaranya: Pertama, memahami agama melalui ilmu moden serta mengkaji dasar-dasar kepercayaan menurut perbahasannya yang sesuai dengan pemikiran moden. Kedua, tentang kewujudan dan keesaan Allah S.W.T., malaikat, kitab suci, kerasulan, qada' dan qadar dan lain-lain. Ketiga, tentang hikmah wahyu dan pemikiran manusia tentang kemukjizatan Al- Quran. Keempat, hakikat hikmah dan nilai mi'raj yang dilalui Rasulullah. Kelima, aspek-aspek keesaan Ilahi, manifestasi keesaan Allah pada alam semesta dan manusia, hubungan antara iman dengan kebahagiaan dan penderitaan. Keenam, perbahasan tentang hari kebangkitan dan akhirat (Irmayanti, 2017).

Sepanjang perjuangan Said Nursi dalam membendung ideologi sekularisme dan liberalisme di bumi Turki, beliau menerima pelbagai penyiksaan termasuk masuk keluar penjara, namun begitu,

hal tersebut tidak mematahkan semangat beliau untuk terus menyampaikan dakwah Islam kepada masyarakat. Demi menyelamatkan iman umat Islam ketika itu, beliau berhempas pulas dalam menulis risalah untuk menyedarkan masyarakat Islam walaupun diri kekadang berada di dalam penjara.

## Penutup

Kehidupan Badiuzzaman Said Nursi telah dicatat dalam pelbagai sumber-sumber yang wujud pada zaman sekarang. Kisah beliau ditulis dan diceritakan dalam pelbagai bentuk penulisan dan penyampaian. Hasil pengembaraan beliau menimba ilmu pengetahuan dari kecil hingga dewasa telah menumbuhkan seorang Said Nursi yang penuh berpengalaman dan berpendidikan tinggi.

Bukan itu sahaja, Badiuzzaman Said Nursi merupakan tokoh yang amat disegani dalam pelbagai aspek seperti yang telah dibincangkan diatas iaitu tokoh pemikiran, ilmuan, perdebatan serta tokoh dalam pendidikan. Ketokohan Said Nursi dapat dilihat melalui kitab terbesarnya, Risalah An-Nur. Risalah ini merupakan kitab yang mengumpulkan pelbagai bidang ilmu dan terdiri daripada pelbagai jilid. Beliau mampu menghasilkan kitab yang menjadi rujukan buat manusia sehingga kini walaupun terpaksa berdepan pelbagai cabaran dan dugaan dalam hidup dek usaha menyebarkan dakwah Islam.

Pemerintahan Turki pada ketika itu yang dikelola oleh Mustafa Kamal Attaturk telah merubah Turki kepada negara sekularisme dan menghalang serba sedikit usaha dakwah beliau. Namun itu tidak mematahkan semangat beliau ketika itu, beliau muncul menolak dan menentang dengan tegas segala bentuk pemerintahan yang dibawa dan berusaha mengembalikan kefahaman masyarakat kepada ajaran Islam. Perjuangan beliau menyebarkan dakwah Islam telah direkod dan dicatat di mana-mana sumber rujukan. Oleh itu, dapat dilihat bahawa Said Nursi sangat dikenali dan dihormati sehingga kini walaupun beliau telah lama meninggalkan bumi.

## Rujukan

- Astria Angraeni & Nazdahlia Citra Wardani. (2020). Metodologi Studi Islam. Islam Ditinjau Dari Berbagai Aspek. *Program Studi Fisika. Fakultas Sains dan teknologi. Universitas Islam Negeri Sumatera Utara, Medan.*
- Edi Amin (2018). Pemikiran Dakwah Badiuzzaman Said Nursi. *Jurnal Kajian Dakwah dan Kemasyarakatan*, 22 (2), 138-151.
- Hj Mohd Noor, M., S. Salahudin Hj. Suyurno, Mohd Z. M., & Muhammad T. M. S. (2017). Pemikiran Metafizik Badiuzzaman Said Nursi: Hakikat dan Hikmah Kenabian Berdasarkan Kitab Rasail An-Nur. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*, 13(14), 35-43.
- Ilyas Fahmi Ramadlani. (2019). Perjuangan Badiuzzaman Said Nursi Dalam Membendung Arus Sekularisasi Di Turki. *Nalar: Jurnal Peradaban Dan Pemikiran Islam*, 3(1), 43-50.
- Irmayanti. (2017). Badiuzzaman Said Nursi: Studi Tentang Peranannya Terhadap Perkembangan Islam Masa Pemerintahan Mustafa Kemal Attaturk. *Fakultas Adab dan Humaniora Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar.*
- Irmayanti. (2017). Studi tentang Peranannya terhadap Perkembangan Islam Masa Pemerintahan Mustafa Kamal Attaturk. *Fakultas Adab dan Humaniora, UIN Alauddin Makassar.*
- Khuzaeni (2021). Biografi Singkat Said Nursi: Profil, Pendidikan, Karya dan Pemikiran. Diakses pada 25 November 2022 daripada <https://wislah.com/biografi-singkat-said-nursi/>.
- Mohamed Mohamed Tolba Said, & Krishnan Umachandran, & Adnan Abdul Rashid (2018). Guided Faith and Leadership Development in Risale-I Nur. *Al- Hikmah*. 10(2), 110- 118.
- Mohd Hasrul Shuhari, Muhammad Rashidi Wahab, & Mohd Shaifulbahri Abdullah. (2015). Ketokohan Badi' Al-zaman Said Nursi dalam Aspek Akidah. *Proceedings of ICIC2015- International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21th Century.*

- Mohd N. A., Surita H. M. H., & Mohd A. Y. (2020). Gagasan Madrasah Al-Zahra': Pemikiran Said Nursi Dalam Pendidikan. *UITM Press*.
- Mohd N. A., Surita H. M. H., Asjad M., Mohd K. A. J., Mohd S. M. J., (2022). Tafsir Rasail Al-Nur Karya Badiuzzaman Said Nursi: Penelitian Terhadap Sumber Dan Pengaruhnya Kepada Pembangunan Ummah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(45), 300 - 309.
- Muaz Hj Mohd Noor, S. Salahuddin Hj Suyumo, & Faridah M. Sairi (2022). Konsep Komunikasi Dakwah Bukan Lisan (Non Verbal) Badiuzzaman Said Nursi Berdasarkan Kitab Rasail An-Nur. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 27(2).
- Muhammad Suhaib A. Z. & Mohd Farid M.S. (2020). Pemurniaan Tauhid Di Turki: Analisis Terhadap Usaha Badiuzzaman Said Nursi. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, 31(2), 217-221.
- Muhammad Yusry Affandy Md Isa & Faid Zulkifli. (2020). Ketokohan Sa'id Nursi Dalam Pentafsiran Berhubung Sunnah: Kajian Teks Dalam Rasail-Nur. *Proceedings Of The 7<sup>th</sup> International Prophetic Conference (SWAN)*. BM013.
- Norullisza Khosim, Azrin Ibrahim & Mohd Shukri Hanapi. (2021). Aspek-Aspek Pembangunan Insan: Analisis Ketokohan Badiuzzaman Said Nursi. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(39), 134-146.
- Qaisar Mohamad. (2018). A Brief Sketch of The Memoirs of The Life and Works of Bediuzzaman Said Nursi. *Journal of Social Science and Religion*. 3(2), 207-219.
- Sharifah N. B. S. B. (2020). Pemikiran Tasawwuf Badiuzzaman Said Nursi Dalam Dakwah. *Journal of Personalized Learning*, 3(1), 24-30.
- Siti W. A. R. & Ahmad F. M. H. (2022). Ketokohan Imam Badiuzzaman Said Nursi dalam Bidang Tafsir. *Penerbit Fakulti Pengajian Peradaban Islam. KUIS*, 248-259.
- Supardi & Saeful M. (2020). Strategi Dakwah Badiuzzaman Said Nursi Dalam Novel Api Tauhid Karya Habiburrahman El Shirazy. *Jurnal Komunikasi Dan Penyiaran Islam*, 1(1), 39-49.